

Headline	<b>Vanila diperkenal jadi tanaman komoditi baru</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>27. Feb 2008</b>	Page No	<b>22</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>366 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Nasional</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>217991</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>762968</b>		



# Vanila diperkenal jadi tanaman komoditi baru

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

**S**ERDANG: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mahu memperkenalkan vanila sebagai tanaman komoditi baru kerana pasarananya yang luas pada peringkat antarabangsa.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata tanaman itu mempunyai ciri pertanian yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) seperti nilai tambah tinggi, komersial, penggunaan teknologi moden, memanfaatkan bioteknologi serta pembabitan usaha-tan dan tenaga kerja mahir.

Katanya, kajian Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) pada 1992 membuktikan pokok vanila boleh mengeluarkan buah berkualiti di negara ini.

Vanila digunakan secara meluas dalam industri pemakanan seperti ais krim, minuman dan kek serta bau-bauan, khususnya industri pembuatan minyak wangi. Industri pembuatan tayar turut menggunakan vanila untuk mengatasi masalah bau getah yang kuat, selain industri farmaseutikal dan nutraceutical.

"Industri vanila adalah industri baru yang wajar diteroka secara serius oleh sektor pertanian negara. Usaha memperkenalkannya sebagai tanaman baru juga akan mengelak Malaysia terlalu bergantung kepada beberapa komoditi seperti getah dan kelapa sawit.

"Dengan mempelbagaikan tanaman komoditi negara, kita lebih ber-



sedia menyerap faktor turun naik atau ketidakseimbangan harga komoditi di pasaran," katanya pada majlis perasmian Seminar Vanila Malaysia Pasaran Dunia anjuran bersama Malaysian Herbal Corporation Sdn Bhd (MHC) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) di universiti berkenaan di sini, semalam.

Teks ucapannya dibacakan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Dr Zulkifli Idris. Hadir sama Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha Abdullah; Pengarah Eksekutif MHC, Asmadi Md Said dan Ketua Pegawai Eksekutif Rentak Timur Sdn Bhd, Syed Isa Syed Alwi.

Dua perjanjian persefahaman (MoU) dimeterai membabitkan Vanilla Biometrix Sdn Bhd (VBSB), UPM dan Koperasi Usahawan Put-

rajaya Berhad bagi tujuan penyelidikan, penanaman dan pemasaran tanaman dan hasilnya.

Muhyiddin berkata, dengan kelebihan potensi membekalkan vanila asli, Malaysia mampu menempa pasaran utama dunia seperti Eropah dan Amerika Utara yang memberi penekanan terhadap penggunaan vanila asli kerana memenuhi kawalan kualiti dan piawaian ketat.

Sehubungan itu, kementeriannya berharap agensi penyelidikan termasuk swasta membuat kajian dan penyelidikan menghasilkan spesies pokok vanila tempatan dan menyediakan tapak ladang, manakala institusi kewangan menyediakan pembiayaan perlu bagi menyokong tanaman itu.